



## MPP UMP perjuang isu harga makanan

**K**UANTAN: Isu kenaikan harga makanan dalam kampus menjadi antara agenda utama yang bakal diperjuangkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Sesi 2008/2009.

Jaminan itu diberikan Yang Dipertua MPP UMP baru dilantik, Mohamad Suffi Kamari, 20, berikutan ada rungutan pelajar mengenai harga makanan yang mahal dalam kampus akibat

kenaikan harga bahan api dan masih tidak dikurangkan walaupun harga minyak sudah turun.

Menurutnya, barisan MPP UMP yang baru, berikrar membela kebajikan pelajar sebagai asas utama perjuangan dengan menekankan isu yang dekat dengan pelajar.

“Barisan MPP UMP sentiasa peka mengenai masalah yang dihadapi pelajar dan kami berikrar memas-

tikan kepercayaan pelajar sewaktu pilihan raya 16 Oktober lalu berbaloi.

“Sebagai permulaan, MPP UMP akan mengatur langkah pertama dengan memastikan beberapa masalah dihadapi warga kampus ditangani segera antaranya isu harga makanan mahal dalam kampus.

“Berdasarkan maklumat pelajar, masalah ini membebankan mereka apabila harga makanan naik se-

hingga 60 sen,” katanya ditemui selepas Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Mengangkat Sumpah MPP UMP Sesi 2008/2009 di sini, kelmarin.

Seramai 15 ahli MPP UMP yang baru melafazkan ikrar di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan pegawai utama universiti di Bilik Mesyuarat Senat, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP.